

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: SEMPENA UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS MENARA ALOR SETAR KEDAH  
DARUL AMAN

TEMPAT: ALOR SETAR, KEDAH

TARIKH: 18 AUG 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Telekom Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Perletakan Batu Asas Menara Alor Setar pada hari ini.

2. Upacara Perletakan Batu Asas Menara Alor Setar yang bersejarah ini memperlihatkan satu lagi usaha Telekom Malaysia untuk mempertingkatkan lagi perkembangan dan pembangunan industri telekomunikasi negara sejajar dengan pembangunan pesat ekonomi negara.

3. Saya diberitahu bahawa Menara Alor Setar setinggi 165.5 meter adalah menara tertinggi di Alor Setar. Menara ini yang mempunyai ciri-ciri pembinaan berunsurkan tempatan dan berteknologi tinggi sudah pasti akan menjadi mercu tanda yang unik bagi bandar ini. Saya percaya senibina yang unik ini yang melambangkan rumpun padi akan juga menjadi satu daya tarikan kepada pengunjung, baik dari dalam mahu pun dari luar negeri.

4. Permintaan terhadap perkhidmatan telekomunikasi di negara ini kini kian meningkat dan terus berkembang pesat sejajar dengan perkembangan ekonomi negara. Sektor telekomunikasi negara perlu bergerak seiringan dengan pertemuan teknologi yang baru, canggih dan terkini sekiranya kita mahu melihat negara kita mencapai taraf sebuah negara yang maju.

5. Sistem telekomunikasi yang meliputi rangkaian perhubungan satelit, gelombang mikro, fiber-optik dan teknologi digital merupakan keperluan asas dan utama bagi sesebuah negara yang sedang pesat membangun dalam sektor perniagaan dan perindustrian.

6. Pembangunan rangkaian telekomunikasi ini akan memberi kesan yang positif daripada segi peranannya sebagai nadi kepada pembangunan negara. Ini merupakan prasyarat yang penting bagi negara untuk lebih maju dan berkembang selaras dengan kemajuan di lapangan-lapangan lain.

7. Justeru itu beban perkembangan rangkaian telekomunikasi ini mestilah dikongsi bersama bagi memastikan bahawa hasil teknologi yang maju dan canggih tidak ketinggalan. Adalah

penting juga industri ini mempunyai persaingan yang sihat di negara ini supaya memanfaatkan kejayaan yang lebih bermakna kepada rakyat. Saingan yang sihat tidak bermakna saingan yang tidak terhad. Industri yang dipenuhi dengan syarikat-syarikat kerdil tidak akan menolong perkembangan yang diperlukan dalam zaman gergasi ini.

8. Justeru itu pihak-pihak yang terlibat perlu menentukan halatujunya ke arah suasana atau zaman persaingan sekiranya kita mahu negara kita maju dan setanding dengan negara-negara perindustrian yang terkemuka. Sementara persaingan boleh mempertingkatkan mutu dan teknologi industri ini, ini hanya boleh dibuat jika pesaing mempunyai cukup kekuatan daripada segi kewangan dan tenaga manusia.

9. Pembentukan era persaingan bukanlah untuk membunuh atau bermusuhan antara satu sama lain sehingga banyak tenaga dan kedudukan kewangan semua pihak menjadi lemah. Persaingan hanya memberi manfaat jika ianya menghasilkan 'efficiency' dan kualiti yang tinggi dan harga yang berpatutan.

10. Persaingan juga adalah satu usaha untuk mempermudah urusan, menjurus atau mewujudkan pengkhususan yang akhirnya akan dapat menangani setiap permasalahan dengan bijak dan sempurna. Dengan kata lain tidak mustahil untuk mewujudkan 'zero problem towards perfection'.

11. Hasrat ini tidak mungkin dapat dicapai dengan jayanya tanpa penglibatan secara menyeluruh. Saya menggesa setiap Syarikat supaya membuat komitmen bagi menghasilkan 'output' yang terbaik dan mampu mengatasi pesaing-pesaing mereka.

12. Kemajuan ekonomi bukanlah sekadar membentuk sebuah negara yang ekonominya tumbuh dengan pesat sahaja tetapi lebih daripada itu ekonomi tersebut harus bercirikan pembangunan yang menyeluruh, ataupun total. Pembangunan yang bercirikan kestabilan, serta berjaya meningkatkan mutu kehidupan rakyat adalah matlamat sosial yang penting. Inilah landasan Wawasan negara yang harus dicapai menjelang tahun 2020.

13. Keperluan asas pembangunan di kawasan luar bandar turut menjadi satu perkara yang semestinya dilihat dengan lebih serius bagi memastikan segala kemudahan tidak diabaikan. Sejajar dengan kemajuan teknologi telekomunikasi, kemudahan-kemudahan perlu disalurkan ke kawasan luar bandar supaya rakyat dapat menikmati faedah pembangunan hampir sama dengan kawasan bandar. Dasar kerajaan untuk menentukan agihan yang saksama kepada semua rakyat baik di bandar ataupun di luar bandar adalah penting difahami. Segala keuntungan dan manfaat hendaklah dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara kita ini. Walaupun pembekalan perkhidmatan ke kawasan bandar lebih menguntungkan, ini tidak bermakna bahawa kawasan luar bandar harus diketepikan.

14. Selaras dengan Dasar Telekomunikasi Negara, saya yakin usaha-usaha Telekom Malaysia akan dapat membantu meningkat

lagi perkembangan teknologi telekomunikasi negara. Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) adalah untuk memberikan satu laluan yang lebih selesa kepada seluruh rakyat di samping dapat menarik lebih banyak pelaburan luar masuk ke negara ini. DTN juga dibentuk untuk memastikan penggunaan teknologi tempatan adalah pada tahap yang maksimum di samping menentukan teknologi tempatan adalah setanding dengan negara yang maju di bidang telekomunikasi.

15. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada Telekom Malaysia dan juga Kerajaan Negeri Kedah yang telah bekerjasama untuk membina Menara Alor Setar yang indah dan unik ini.

16. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan upacara Perletakan Batu Asas Menara Alor Setar pada hari ini.